



NURUL SYAFIQQAH SHAMSUDDIN (dua dari kanan) dan **Nurain Annisah Mohd. Zulkifli** dibantu anggota bomba menyeberangi kawasan lebih selamat selepas kereta dinaiki ditenggelami air di Cherana Putih, Taboh Naning, Alor Gajah, Melaka, kelmarin. - UTUSAN/NURSURAYA ZULKIFLI

Dua sahabat nyaris lemas dibawa arus banjir

ALOR GAJAH 9 Sept. - Dua sahabat nyaris lemas apabila kereta yang dinaiki hanyut dibawa arus semasa terperangkap dalam kejadian banjir kilat dekat Jalan Datuk Megat Alam Melintang, Kampung Cherana Putih di sini, semalam.

Pada kejadian kira-kira pukul 4 petang itu, mangsa, Nurul Syafiqqah Shamsuddin, 19, bersama kawan baiknya, Nurain Annisah Mohd. Zulkifli, 19, sedang dalam perjalanan pulang ke rumah sewa mereka dari sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) berhampiran.

Menurut Shafiqqah, ketika melalui tempat kejadian yang terletak berhampiran sungai, enjin kereta jenis Perodua Persona yang dipandu Nurain tiba-tiba mati sejurus meredah kawasan yang ditenggelami air yang juga berhampiran sungai.

"Pada mulanya, kami menyangka jalan yang ditutupi itu tidak berapa dalam airnya namun keadaan bertukar panik sekelip mata apabila air deras mula memasuki kereta melalui sebelah pintu kiri manakala pintu kanan gagal dibuka akibat tekanan air yang kuat.

"Kami kemudian cuba sedaya upaya membuka pintu di sebelah tempat duduk pemandu dan berjaya keluar walaupun terpaksa berpaut seketika pada pintu kereta ketika arus deras tinggi ke paras dada.

"Ketika keadaan kelam-kabut itu, saya hanya mampu berserah dan bertawakal kerana tidak pandai berenang, namun kami tetap berusaha sedaya-upaya melepasi banjir itu untuk ke kawasan yang lebih selamat," katanya ketika ditemui di

tempat kejadian, di sini, semalam.

Menurutnya, rakannya turut sempat menghantar pesanan ringkas melalui aplikasi Whatsapp meminta tolong daripada rakan-rakan lain yang berada di kampus atau kawasan berhampiran.

"Hampir 30 minit menunggu, saya menarik nafas lega setelah anggota bomba datang untuk menyelamatkan kami bersama rakan-rakan yang membantu menghubungi pihak bomba," ujarinya.

Tambahnya, dia bagaimanapun bersyukur kerana tidak mengalami sebarang kecederaan mahupun kehilangan nyawa dalam kejadian tersebut namun tetap merasa trauma.

Dalam pada itu, kira-kira 30 rumah di kawasan Cherana Putih, Taboh Naning turut mengalami banjir kilat apabila rumah mereka dinaiki air selepas hujan lebat lebih dua jam petang semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning, Datuk Latipah Omar berkata, banjir berkenaan bersifat sementara akibat hujan lebat mulai kira-kira pukul 3 petang namun tiada mangsa yang dipindahkan.

"Banjir kilat itu turut menyebabkan kerosakan harta benda penduduk dan kita bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah telah turun padang untuk melawat sekali gus menyampaikan bantuan awal kepada mereka. Penduduk yang terjejas juga boleh membuat laporan polis bagi memudahkan permohonan bantuan," katanya ketika ditemui ketika melawat rumah mangsa banjir di kampung itu, semalam.